

Sasaran unjuran KDNK 6 peratus kekal: Abdullah

BH-14/8/2007

Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat tidak jejas Malaysia



Oleh Azman Zakaria
dan Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Malaysia akan terus berpegang kepada sasaran mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6 peratus tahun ini, walaupun berdepan persekitaran luaran yang tidak menentu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan tidak berhasrat mengubah sasaran unjuran KDNK negara tahun ini kerana ekonomi negara berada pada kedudukan yang kukuh untuk mencapai angka berkenaan.

"Kita tidak mengkaji semula sasaran kadar pertumbuhan tetapi sentiasa bersiap sedia menghadapi kesan negatif luaran, terutama Ame-

rika Syarikat," katanya selepas merasmikan Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasilitas Negara (Nafam) 2007, di sini semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam taklimat Bank Negara yang disampaikan kepadanya baru-baru ini, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menyatakan bahawa ekonomi Malaysia adalah kukuh kerana mempunyai rizab serta asas yang mantap.

Minggu lalu, Zeti dilaporkan berkata Malaysia mampu mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada kadar 6 peratus tahun ini, di sebalik jangkaan pertumbuhan eksport lebih perlahan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Katanya, permintaan domestik dan pelaburan yang kukuh dapat membantu Malaysia memastikan pertumbuhan ekonominya berada pada landasan betul untuk mencapai tahap seperti yang disasarkan sepanjang tahun ini.

"Harga komoditi yang kekal tinggi dan kestabilan pasaran buruh turut membantu merencanakan pertumbu-

han ekonomi manakala kenaikan gaji kakitangan awam meningkatkan perbelanjaan pengguna yang seterusnya mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai projek pembangunan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin Malaysia sudah cukup bersedia untuk berdepan dengan kemungkinan berlaku sesuatu yang negatif terhadap ekonomi Amerika Syarikat, tanpa memberikan kesan negatif terhadap negara.

Beliau berharap sistem yang di-

“*Harga komoditi kekal tinggi dan kestabilan pasaran buruh bantu merencanakan pertumbuhan ekonomi”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

bangunkan Bank Negara untuk mendapat maklumat dan menganalisis perkembangan Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Hong Kong, yang mempunyai hubungan perdagangan yang erat dengan Malaysia, akan membantu negara membuat respons bersesuaian.

Sementara itu, ketika diminta mengulas laporan syarikat yang berpangkalan di Dubai, Jebel Ali Free Zone (Jafza) menarik diri daripada pengurusan Zon Bebas Pelabuhan Klang akibat kerenah birokrasi dan campur tangan ahli politik, Perdana Menteri berkata, beliau akan mendapatkan penjelasan daripada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

"Pegawai Jafza pernah menemui saya tetapi lama dulu dan bukan berkaitan masalah ini," katanya.

Semalam, sebuah akhbar tempatan melaporkan, Jafza menarik diri daripada pengurusan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang pada 18 Julai kerana berlaku beberapa masalah yang menjurus kepada perbalahan, seterusnya menyebabkan syarikat itu menarik diri.